

SOALAN LAZIM EXPERT@UPSI

Bil.	Soalan	Penjelasan
1	Apakah sistem EXPERT@UPSI ini?	Sistem EXPERT@UPSI merupakan informasi terperinci mengenai data diri pegawai yang boleh menggambarkan pengalaman akademik dan profesional individu tersebut. Sebelum ini ia dikenali sebagai CV <i>Online</i> .
2	Apakah beza EXPERT@UPSI dengan CV <i>Online</i> ?	Di antara perbezaannya adalah dari segi paparan di layar di mana ia ditambah baik agar lebih menarik, terkini dan informatif. Selain itu, susunan data yang dipaparkan juga telah ditambahbaik dengan memberi penekanan kepada aspek yang boleh menonjolkan diri seseorang pegawai tersebut. Bagi fasa pertama ini, ianya berfokus kepada staf dikalangan kumpulan akademik sahaja.
3	Siapakah yang boleh akses kepada EXPERT@UPSI?	EXPERT@UPSI boleh diakses oleh pelbagai pihak dan individu melalui alamat directory.upsi.edu.my dan pengemaskinian data hanya boleh dibuat oleh pegawai melalui Portal MyUPSI masing-masing.
4	Daripada manakah maklumat yang dipaparkan diperolehi?	Maklumat yang dipaparkan adalah hasil integrasi dengan sistem yang digunapakai di UPSI iaitu <i>Human Resource Integrated System (MyHRIS)</i> , <i>Research Integrated Management System (MyRIMS)</i> dan <i>Student Integrated System (MySIS)</i> . Oleh itu, amat penting untuk setiap pegawai membuat semakan maklumat yang ada di dalam EXPERT@UPSI secara berkala bagi memastikan maklumat yang dipaparkan adalah tepat.
5	Jika terdapat maklumat yang perlu dikemaskini, dengan pihak manakah perlu dihubungi?	Data yang dipaparkan dalam EXPERT@UPSI adalah integrasi daripada pelbagai sistem yang digunapakai oleh Universiti yang melibatkan pelbagai pihak. Maklumat PTj yang perlu dihubungi/dirujuk adalah seperti yang dinyatakan pada Perkara 6.3 Garis Panduan Pelaksanaan Sistem EXPERT@UPSI.
6	Apakah perbezaan di antara Resume dan Curriculum Vitae?	<p>Resume adalah maklumat ringkas pegawai di mana data yang dipaparkan adalah hasil pilihan pegawai sendiri yang dibuat melalui MyRIMS dan ia dipaparkan dalam bentuk laporan berformat pdf.</p> <p>Manakala Curriculum Vitae adalah laporan penuh rekod pencapaian pegawai berformat</p>

		<p>pdf yang mana rekod pencapaian yang dipaparkan adalah berdasarkan keputusan yang dibuat oleh JK Induk.</p> <p>Kedua-dua laporan tersebut boleh diakses oleh pelbagai pihak dan individu.</p>
7	<p>Rekod pencapaian saya bagi setiap kategori sepatutnya ada 70 rekod. Mengapakah rekod yang dipaparkan dalam EXPERT@UPSI hanya 50 sahaja?</p>	<p>JK Induk telah memutuskan jumlah maksimum paparan rekod pencapaian bagi setiap kategori dalam EXPERT@UPSI adalah terhad kepada 50 rekod sahaja dan susunan rekod adalah seperti yang telah diputuskan oleh JK yang sama. Namun, untuk melihat keseluruhan rekod pencapaian, ia boleh diakses melalui laporan Curriculum Vitae.</p>
8	<p>Bagaimanakah susunan rekod pencapaian bagi setiap kategori dibuat?</p>	<p>Paparan rekod pencapaian adalah 5 tahun terkini dengan jumlah maksimum paparan adalah 50 rekod. Jika dalam tempoh 5 tahun terkini, rekod kurang daripada 50, maka rekod tahun-tahun sebelumnya akan dipaparkan.</p> <p>Susunan rekod pencapaian bagi setiap kategori adalah mengikut keutamaan seperti berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> 1. PENYELIDIKAN <ol style="list-style-type: none"> a. Ketua – keutamaan adalah tahun terkini dan diikuti dengan sumber geran (mengikut MyRA) dan status b. Ahli - keutamaan adalah tahun terkini dan diikuti dengan sumber geran (mengikut MyRA) dan status 2. PENERBITAN <p>Keutamaan tahun terkini</p> 3. PENYELIAAN <ol style="list-style-type: none"> a. PhD – keutamaan adalah Penyelia utama dan diikuti International, National, status dan tahun terkini b. PhD – keutamaan adalah Penyelia bersama dan diikuti International, National, status dan tahun terkini c. Sarjana – keutamaan adalah Penyelia utama dan diikuti International, National, status dan tahun terkini d. Sarjana – keutamaan adalah Penyelia bersama dan diikuti International, National, status dan tahun terkini

		<p>4. PERUNDINGAN Keutamaan tahun terkini</p> <p>5. PENGKOMERSIALAN Keutamaan tahun terkini</p> <p>6. ANUGERAH/PENGIKTIRAFAN Keutamaan adalah peringkat diikuti dengan jenis medal dan tahun</p>
9	Mengapakah infografik perundingan dan pengkomersialan saya di skrin utama tidak dipaparkan?	Infografik bagi perundingan dan pengkomersialan hanya akan dipaparkan sekiranya amaun telah mencapai RM5000 dan ke atas sahaja.

Nota: Soalan lazim ini akan dikemaskini dari masa ke semasa